

Yayasan SP Setia hulur sumbangan

Kuala Lumpur: Yayasan SP Setia tampil menghulurkan sumbangan RM20,000 kepada Tabung Bencana The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP)-Media Prima bagi membantu mangsa banjir di Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye ketika ditemui selepas menyampaikan sumbangan itu kepada Pengarang Kumpulan Harian Metro, Datuk Mustapa Omar di Balai Berita, di sini semalam, berkata pihaknya percaya bantuan itu sedikit sebanyak dapat meringankan beban mangsa banjir di ketiga-tiga negeri.

Misi kemanusiaan

Beliau berkata, ini bukan kali pertama Yayasan SP Setia menghulurkan sumbangan kepada tabung berkenaan,

malah sentiasa bekerjasama erat dengan NSTP-Media Prima khususnya bagi melaksanakan misi kemanusiaan.

Lam Thye berkata, sumbangan itu juga tanda keprihatinan pihaknya terhadap mangsa banjir selain menu-



Lam Thye **menyerahkan mock cek** kepada Mustapa (kiri) di Balai Berita.
(FOTO OWEE AH CHUN/BH)

naikan tanggungjawab sosial yayasan berkenaan.

“Sebelum ini, kami sudah beberapa kali menghulurkan sumbangan kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima kerana kami turut berasa bertanggungjawab membantu rakyat yang berdepan bencana. Kita amat berharap sum-

baungan ini dapat meringankan beban mangsa banjir di tiga negeri berkenaan,” katanya.

Orang ramai yang ingin menyalurkan sumbangan kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima boleh berbuat demikian menerusi akaun MAYBANK 514105-320757.